

KENYATAAN MEDIA

7 DISEMBER 2017

Suruhanjaya Tenaga
(*Energy Commission*)
12, Jalan Tun Husseln
Precinct 2
62100, Putrajaya
Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

ST Arah Pengimport Lulus Kelengkapan Elektrik Yang Tidak Selamat

Putrajaya, 7 Dis – Dalam usaha memastikan kelengkapan elektrik yang diimport ke negara ini memenuhi standard dan selamat digunakan oleh orang awam, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengarahkan pelupusan 200 unit periuk nasi dengan anggaran nilai pasaran sebanyak RM80,000. Kelengkapan elektrik tersebut dimusnahkan di gudang simpanan di Puchong, Selangor, setelah didapati gagal mematuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh ST.

Periuk nasi tersebut, yang dibawa masuk ke negara ini oleh syarikat Nature Environment Products Sdn Bhd melalui Pelabuhan Klang dari negara China, gagal ujian konsainmen yang ditetapkan oleh ST semasa membuat permohonan Perakuan Kelulusan (*Certificate of Approval*).

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik ST, Mohd Elmi bin Anas berkata semua pengimport kelengkapan elektrik perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan dan mematuhi syarat yang ditetapkan terlebih dahulu sebelum membawa masuk sebarang kelengkapan ke negara ini. Beliau meminta supaya pengimport memastikan kelengkapan elektrik yang diimport adalah sama seperti yang diisytihar dan dinyatakan dalam laporan ujian keselamatan.

Kelengkapan elektrik yang gagal ujian konsainmen tidak akan benar dijual di negara ini dan sebaliknya hendaklah dikembalikan ke negara asal atau dilupuskan.

Dalam hal ini, ST menggesa agar syarikat-syarikat lain yang belum mengambil tindakan memulangkan kelengkapan yang gagal ujian konsainmen, mencontohi syarikat berkenaan dan bekerjasama dengan ST untuk melupuskan kelengkapan yang tidak selamat tersebut.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairullati Mali/ Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 / +603 8870 8598 / +603 – 8870 8537 /

+6013 2183778 (Zairullati) / +6019 313 4543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my / zairullati@st.gov.my / ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.